Dr. Mahathir

## KENYATAAN DARIPADA SETIA USAHA AGONG UMNO MALAYSIA

Menimbangkan di-atas kejadian di-mana surat2 di-antara Dr. Mahathir, sa-orang ahli Majlis Kerja Tertinggi dengan Tunku, Yang di-Pertua UMNO, ia-itu surat2 yang mengandongi perkara2 yang sangat2 penting mengenai parti telah di-sebarkan dengan sa-luas2-nya, ia-itu surat2 mengandongi butir2 yang mustahak yang sa-patut-nya di-binchangkan lebeh dahulu di-dalam Majlis Kerja Tertinggi UMNO terutama memandang kapada keadaan negara sekarang ini maka perbuatan Dr. Mahathir itu ada-lah di-sifatkan sa-bagai telah melanggar tata tertib dan peratoran2 parti dan boleh merosakkan perpaduan dalam parti dan Kerajaan yang di-dokong oleh parti maka meshuarat khas Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang di-adakan pada pagi ini telah mengambil keputusan bahawa Dr. Mahathir tidak-lah lagi mulai hari ini menjadi ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Meshuarat ini telah di-hadziri oleh semua Menteri2 Kabinet, Menteri2 Besar yang menjadi anggota Majlis Kerja Tertinggi dan anggota2 lain termasok-lah Dr. Mahathir. Tunku tidak hadzir dalam meshuarat itu.

KUALA LUMPUR,
12 Julai, 1969.